

ATURAN URUSAN MESYUARAT

HARI SELASA, 12HB JULAI, 1988 PUKUL 2.30 PETANG

Bil. 11

1

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB MULUT

*1. **Tuan Kuan Peng Soon** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) apakah hasil kajian penswastaaan Lembaga Letrik Negara;
- (b) pada masa ini, berapakah tawaran yang telah diterima oleh Kerajaan; dan
- (c) nyatakan syarikat-syarikat berkenaan dan bilakah perkhidmatan Lembaga Letrik Negara ini akan diswastakan.

*2. **Puan Rokiah binti Zainudin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah usaha untuk membersihkan nama Jabatan Penjara yang tercemar oleh kegiatan penyelewengan serta najis dadah yang melibatkan pegawai-pegawai penjara; dan
- (b) apakah tindakan yang akan diambil kepada pegawai-pegawai yang mengamal sikap "Harapkan pagar, pagar makan padi" ini.

*3. **Datuk Haji Abu Bakar Lajim** minta Menteri Kewangan menyatakan bagaimanakah kejayaan Jawatankuasa Tetap mengenai pembiayaan perumahan kos rendah yang diwujudkan oleh Bank Negara bagi mengatasi atau mengurangkan masalah kesulitan memperoleh pinjaman untuk pembangunan perumahan atau "end financing".

*4. **Tuan Abd. Hamid bin Ibrahim** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kementerian Pertahanan bercadang untuk mengadakan banci bagi menentukan jumlah bekas-bekas perajurit dan tanggungan mereka serta kedudukan mereka yang sebenarnya dari segi ekonomi dan sosial.

*5. **Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya** minta Perdana Menteri menyatakan peranan serta program yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri-negeri serta badan-badan dakwah dalam usaha mengembalikan semula bekas-bekas penagih dadah dari kalangan yang beragama Islam kepada kefahaman Islam menuju ke arah pembinaan insan yang sempurna, beriman dan bertakwa dan mengabdikan diri kepada Allah semata-mata.

*6. **Tuan Paudikar Amin Haji Mulia** minta Menteri Luar Negeri menyatakan tentang inisiatif yang terbaru yang diambil oleh Wisma Putra terhadap "Sabah Claim" oleh Filipina. Kalau belum ada inisiatif baru, tidakkah Menteri Luar Negeri bersetuju bahawa seharusnya Kementerian ini mengambil langkah-langkah positif bukan setakat menunggu perkembangan dari Kerajaan Filipina sahaja.

*7. **Tuan Lau Keng Siong** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bolehkah beliau melonggarkan syarat kepada rakyat Malaysia yang ingin melawat Republik China. Syarat yang ada sekarang ialah pemohon-pemohon hendaklah berumur lebih dari 60 tahun. Jika syarat ini dapat dilonggarkan ramai lagi rakyat dapat diberi peluang melawat Republik China.

*8. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) bilakah TLDM menggunakan kapal selam dalam operasinya;
- (b) dari negara manakah kapal selam itu dibeli; dan
- (c) setakat ini apakah kelengkapan angkatan tentera laut kita gunakan.

*9. **Tuan P. Belaram** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Kementerian beliau pernah mengadakan pertukaran pegawai-pegawai di antara Majlis-majlis Daerah di Semenanjung Malaysia untuk meninggikan mutu dan prestasi mereka.

*10. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) jumlah kapalterbang TUDM yang jatuh terhempas semenjak Januari, 1987 sehingga sekarang dan kerugian yang dialami;
- (b) punca kemalangan-kemalangan ini berlaku dan tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk mengelakkan kemalangan; dan
- (c) sama ada kapalterbang-kapalterbang yang jatuh terhempas itu telah diganti dan jenis-jenis pengantinya.

*11. **Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih** minta Menteri Buruh menyatakan sama ada beliau akan mewartakan waktu kelepasan sembahyang Jumaat bagi sektor swasta untuk memudahkan pekerja-pekerja Islam menunaikan kewajipannya. Masih terdapat banyak sektor swasta tidak memberi kelepasan kepada pekerja-pekerja Islam menunaikan fardhu Jumaat.

*12. **Tuan Mohd. Wajdi bin Dato Haji Ishak** minta Menteri Buruh menyatakan:

- (i) sejauh manakah kesan yang terjadi hasil dari dakwaan Setiausaha Agong Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia yang kononnya Kerajaan Malaysia tidak menghormati hak-hak pekerja (walaupun beliau menafikan) dan menyebabkan petesin dari Persekutuan Buruh dan Kongres Pertubuhan Pekerja Amerika (AFL-C10) meminta pentadbiran negaranya membatalkan kemudahan skim keutamaan am atau GSP yang dinikmati oleh Malaysia; dan
- (ii) sejauh manakah siasatan yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan mengenai kenyataan yang dibuat oleh Setiausaha Agong Kesatuan Sekerja Malaysia itu dan apakah bentuk tindakan yang telah diambil bagi mengatasi isu ini.

*13. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah perkembangan setakat ini, berkaitan dengan suatu jawatankuasa khas yang ditubuhkan untuk mengkaji struktur FELDA.

- (a) adakah Kementerian puashati dengan sambutan orang India ke skim FELDA. Jika tidak apakah langkah yang diambil untuk menarik balik ramai kaum India;
- (b) baru-baru ini seramai 1,000 peneroka di Jerantut mengadakan tunjuk perasaan kerana mereka tidak puashati dengan bayaran bagi buah kelapa sawit dan seramai 18 peneroka di Kulai, menuntut hak milik berasingan dan bukan secara berkongsi. Pihak FELDA haruslah memelihara kepentingan para peneroka. Imej FELDA kita haruslah dijaga, seperti pujian yang disebut dalam "World Bank Report, FELDA is one of the most successful land development organisations in the World"; dan
- (c) kebanyakan peneroka sudah tua dan anak-anak mereka bekerja di bandar. Jadi mereka pajakkan tanah mereka kepada orang luar. Cara ini menjejaskan pendapatan mereka. Adakah pihak FELDA bercadang untuk membaiki keadaan ini.

- *14. **Tuan Lim Heng Tee** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan-tindakan yang boleh diambil terhadap rakyat Malaysia yang melakukan sesuatu yang akan menjejaskan kepentingan nasional Malaysia.
- *15. **Tuan Azumu bin Tak** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada Kumpulan Wang Bantuan untuk Pelombong Bumiputra masih ujud dan adakah tambahan daripada peruntukan yang lama sebanyak \$500,000.00 itu. Semenjak ianya ditubuhkan, nyatakan syarikat-syarikat yang telah menerima pinjaman tersebut.
- *16. **Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sejauh manakah keberkesanan rombongan ke Eropah untuk banteras kempen Anti Kayu Tropika di United Kingdom, German Barat, Belanda dan Belgium. Dapatkah rombongan ini menarik pengusaha kayu kayan di negara-negara EEC untuk melabur dalam industri perabot.
- *17. **Tuan Hassan Harun** minta Perdana Menteri menyatakan:
- (i) dasar, strategi, pendekatan dan program rancangan pemulihan usahawan-usahawan bumiputera;
 - (ii) kemajuan pelaksanaan sekim ini setakat ini;
 - (iii) bagaimanakah sambutan dan kerjasama semua yang terlibat khususnya institusi-institusi kewangan; dan
 - (iv) berapa banyakkah usahawan-usahawan bumiputera akan menikmati sekim ini.
- *18. **Dr Ng Khok Kiung** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:
- (a) sama ada Kerajaan mempunyai sebarang program intensif untuk mencapai taraf NIC (Newly-Industrialised Country) sebelum tahun 2000; dan
 - (b) apakah bidang perkilangan yang telah dikenalpasti oleh Kerajaan dalam usaha menuju ke arah pencapaian taraf NIC.
- *19. **Dr K. S. Nijhar** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan dasar untuk kelulusan lesen-lesen Bas Mini dan adakah pihak Kementerian akan menimbang pengeluaaran lesen-lesen baru bagi negeri-negeri Pulau Pinang, Ipoh, Kuala Lumpur dan Johor Bahru.
- *20. **Puan Norani binti Haji Beluah alias Haji Hitam** minta Menteri Luar Negeri menyatakan tidakkah pihak Kerajaan bercadang untuk melantik Duta-duta terdiri dari kaum wanita memandangkan pada masa ini telah ramai wanita yang berpelajaran, berpengetahuan, berkelayakan dan berkebolehan dalam negara ini.
- *21. **Puan Habidah binti Jusoh alias Yusof** minta Menteri Buruh menyatakan:
- (a) setahu Kerajaan apakah pentingnya persatuan sekerja kepada negara membangun; dan
 - (b) tidakkah boleh diambil satu-satu tindakan yang berkesan untuk menghindarkan rakyat yang tidak setia kepada negara ini dengan cara mereka berpakat dengan negara-negara asing untuk menyelesaikan masalah mereka.
- *22. **Puan Ainon Ariffin** minta Menteri Kesihatan menyatakan mengenai kejadian sebenarnya pesakit wanita di Hospital Melaka yang tidak sedar diri hingga 3 bulan lamanya akibat Pembedahan yang dilakukan ke atasnya. Apakah langkah-langkah dan pertolongan yang telah diberikan kepada "Mangsa Penyiksaan" yang ganjil itu.

- *23. Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Perdana Menteri menyatakan:
- (a) jumlah equiti yang dimiliki oleh bumiputera dalam Syarikat Minyak Asing yang sekarang ini beroperasi di Malaysia; dan
 - (b) kedudukan penyertaan Bumiputera secara aktif dalam industri petroliaam negara, dan langkah-langkah yang diambil bagi meningkat keberkesanan penyertaan mereka dalam industri berkenaan.
- *24. Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan iaitu apakah syaratnya dikenakan pada belia boleh memohon pinjaman berniaga \$10,000 hingga \$30,000 daripada Tabung Ekonomi Pembangunan (TEP) dan juga had umur yang dibolehkan serta berapa lama boleh dibayar pulangannya.
- *25. Puan Valli Mathusamy** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah yang diambil terhadap kedai-kedai runcit, restoran dan warung kopi yang menjual arak dan bir tanpa lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan Eksais, 1977.
- *26. Tuan Haji Abd. Manid bin Haji Latiff** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah jumlah Sekolah Menengah Kebangsaan yang didirikan di luar bandar sehingga tahun 1987. Adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa masih terdapat kekurangan sekolah menengah dan kekurangan guru di luar bandar. Jika sedar, apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi kekurangan sekolah menengah dan guru di luar bandar.
- *27. Tuan Aznan Atar bin عثمان** minta Perdana Menteri menyatakan perkhidmatan awam pernah menyenaraikan pegawai-pegawai yang tidak menyokong dasar pentadbiran Kerajaan sekarang. Jika ada, berapa ramai mereka yang telah diberi surat amaran atau dinasihati berhenti kerja.
- *28. Puan Hajjah Salbinh binti Mohd. Akim** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan sejak Pulau Langkawi dibuka sebagai pusat pelancongan yang baru, berapa peratuskah belia-belia tempatan dapat mengambil bahagian dalam bidang kebudayaan dan pelancongan melibatkan diri untuk meraih keuntungan dari Pembangunan yang besar ini.
- *29. Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan siswazah Malaysia yang mengikuti kursus sepenuh masa di luar negeri berbanding dengan bilangan siswazah yang mengikuti kursus luar kampus Tahun 1 dan II di Universiti-universiti tempatan pada tahun 1988.
- *30. Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Pertanian menyatakan:
- (a) hasil usahasama Kementerian Pertanian dengan Kerajaan-kerajaan Negeri bagi menjayakan 5,474 hektar tanah terbiar seperti yang diumumkan oleh Timbalan Menteri Pertanian 3 tahun lalu; dan
 - (b) apakah jenis tanaman yang diusahakan dan berapa banyak telah dibelanjakan untuk mengusahakan tanah terbiar tersebut.
- *31. Tuan P. Belaram** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah beliau sedar makin lama makin bertambah perasaan frustrasi di kalangan guru-guru sekolah kerana:
- (a) kekurangan peluang-peluang naik pangkat;
 - (b) ramai guru-guru kategori C1 dan C2 menerima gaji maksima mereka selama sepuluh tahun; dan
 - (c) tidak ada "revision" gaji guru-guru sejak tahun 1980.

- *32. **Tuan Tan Chai Ho** minta Menteri Buruh menyatakan apakah tindakan akan diambil terhadap Setiausaha Agung M.T.U.C. yang mencadangkan kepada Amerika Syarikat supaya menarik balik sistem G.S.P. yang dinikmati oleh Malaysia selama ini.
- *33. **Dr Nordin Selat** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah betul kelulusan akademik sekarang berupa simbolik dan tidak lagi merupakan sesuatu yang "functional".
- *34. **Tuan Chan Choong Tak** minta Menteri Pengangkutan memberikan angka statistik yang menunjukkan bilangan kemalangan jalan raya, bilangan orang yang terbunuh dan bilangan orang-orang yang cedera dalam kemalangan jalan raya di Malaysia untuk lima tahun akhir ini sebelum pindaan Ordinan Lalulintas dikuatkuasakan dan selepas ia dikuatkuasakan. Daripada angka statistik, adakah Menteri berpuashati atas keselamatan jalan raya yang dilancarkan sejauh ini. Sekiranya ia, sila berikan langkah-langkah yang berkaitan dan usahanya. Sekiranya tidak, sila huraikan langkah-langkah tambahan atau langkah-langkah alternatif yang akan diperkenalkan.
- *35. **Tuan Dahlan bin Haji Embun** minta Menteri Buruh menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan skim insuran untuk menolong penganggur dalam masa pengangguran bagi mengatasi kesulitan hidup sebelum mendapat kerja atau perusahaan. Sekiranya tidak, mengapa, sedangkan ada negara-negara asing yang memberi ('unemployment benefit') kepada penganggur.
- *36. **Tuan Pandikar Amin Haji Mulia** minta Menteri Pendidikan menyatakan:
- (a) bilangan atau kuota bagi kemasukan penuntut-penuntut tempatan dari Sabah dan Sarawak ke universiti-universiti atau pusat-pusat pengajian tinggi di Semenanjung Malaysia jika dibandingkan dengan penuntut-penuntut dari Semenanjung Malaysia; dan
 - (b) bolehkah bilangan ini ditambah untuk menseimbangkan perbezaan ini.
- *37. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Pendidikan menyatakan sejak skim universiti "twinning" dibenarkan apakah kesannya dan implikasi selanjutnya terhadap pelajaran tinggi di negara kita. Berapa banyakkah wang negara yang dapat diselamatkan sejak skim tersebut dijalankan. Berapa banyakkah kolej-kolej swasta yang telah mendapat kelulusan untuk menjalankan skim ini dan apakah "credential" kolej-kolej tersebut.
- *38. **Puan Valli Muthusamy** minta Menteri Kewangan memberitahu sama ada atau tidak semua mes-mes angkatan tentera dan pegawai Polis dilesen di bawah Peraturan Eksais, 1977 untuk menjual arak dan bir, jika tidak apakah tindakan yang akan diambil.
- *39. **Tuan Chan Choong Tak** minta Menteri Buruh menyatakan:
- (a) bilangan pekerja-pekerja yang terpaksa berhenti kerja akibat penutupan berbagai Pertubuhan Koperasi; dan
 - (b) di antara yang terpaksa berhenti kerja, berapa ramaikah yang telah mendapatkan pekerjaan semula di tempat lain.
- *40. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:
- (a) negara-negara yang menuntut Kepulauan Spratly sebagai tanah mereka dan alasan bagi tuntutan tersebut; dan
 - (b) tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk mengekalkan kepulauan Spratly sebagai kepunyaan negara kita.

*41. **Tuan Foo Boon Liang** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah faedah ekonomi dan politik hasil daripada lawatan rasmi oleh YAB Perdana Menteri ke Indonesia baru-baru ini.

*42. **Tuan Haji Jaafar bin Harun** minta Menteri Pertahanan menyatakan setakat manakah kekuatan Pasukan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) kita dalam Pasukan Angkatan Bersenjata boleh mempertahankan negara kita serta memerangi musuh-musuh dalam negeri:

- (i) apakah latihan-latihan yang dijalankan bagi mempertingkatkan kecekapan pejuang-pejuang udara kita;
- (ii) apakah nama-nama jenis latihan itu serta berapa kali diadakan dalam setahun; dan
- (iii) berikan tarikh-tarikh latihan yang telah dijalankan bagi tahun 1987 dan 1988.

*43. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tujuan perbuatan membakar bangunan di Tapak Semarak di Negeri Kedah. Apakah ianya melibatkan fahaman politik.

*44. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah benar Kementerian Kesihatan telah menyenarai hitamkan salah sebuah akhbar terbesar di negara ini sebagaimana yang didakwa oleh seorang doktor kerana akhbar itu mendedahkan kepincangan dan kelemahan serta kebersihan hospital-hospital.

*45. **Tuan Tan Chai Ho** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengurangkan harga rumah pangsa dari \$25,000.00 ke \$20,000.00 di Kuala Lumpur memandangkan kebanyakan penduduk di kawasan setinggan berpendapatan rendah.

*46. **Puan Valli Muthusamy** minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan kepada bilangan kes mencabul kehormatan gadis belasan tahun semakin bertambah, adakah Kementerian Pendidikan mempunyai sebarang rancangan untuk memperkenalkan seni mempertahankan diri di sekolah-sekolah.

*47. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan sejak Ekpress Langkawi dilancarkan adakah kegiatan pelancongan di Pulau itu bertambah. Sekiranya tidak, apakah halangan dan rintangan yang dihadapi dan apakah tindakan untuk mengatasinya.

*48. **Dr Nordin Selat** minta Menteri Buruh menyatakan bilangan pekerja-pekerja swasta yang telah diberhentikan oleh majikan akibat keadaan ekonomi yang meleset sekarang.

*49. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan guru bahasa dan guru bagi matapelajaran-matapelajaran lain yang kekurangan di sekolah Rendah dan menengah di seluruh negara untuk 5 tahun yang akan datang; dan
- (b) apakah rancangan jangka panjang yang telah diambil untuk mengatasi kekurangan ini.

*50. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jumlah penderma darah secara sukarela setiap tahun semenjak 1980 hingga sekarang;
- (b) insentif-insentif yang diberi oleh Kerajaan sekarang kepada penderma darah secara sukarela; dan
- (c) sama ada Kerajaan ingin memberi lebih banyak lagi insentif untuk menarik lebih banyak lagi penderma. Jika ya, apakah jenis insentifnya dan jika tidak kenapa.

***51. Datuk Haji Abu Bakar Lajim** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bagaimanakah kemajuan terakhir cadangan Kementerianya untuk menubuhkan sebuah institut penyelidikan khas membuat R & D di bidang binaan dan kejuruteraan.

***52. Datuk Haji Abu Bakar Lajim** minta Menteri Kerja Raya menyatakan kemajuan pelaksanaan dua (2) projek pembangunan yang terbesar iaitu projek Lebuhraya Utara-Selatan dan projek bekalan air ke luar bandar.

***53. Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah usaha galak pengusaha guna pemfaktoran berjaya dan berkesan dalam negara kita.

***54. Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Buruh menyatakan adakah benar terdapat kes kerani berijazah digantung kerja. Berapa keskah terdapat dalam tahun 1987 dan bagaimana perkara itu boleh terjadi.

***55. Tuan C. Krishnan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah hasil penyiasatan mengenai kematian tiga orang budak di dalam peti ais yang tidak digunakan di Bukit Kamunting, Kampung Jawa, Kelang pada tahun 1987.

***56. Tuan C. Krishnan** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan apakah peruntukan bagi kegiatan kebudayaan India. Baru-baru ini sebanyak \$142,500 diperuntukkan kepada badan-badan kebudayaan. Adakah peruntukan yang dibuat bagi Persatuan Kebudayaan India berdasarkan kuota.

***57. Dr Ng Khok Kiung** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (i) bilangan sekolah rendah di Malaysia dan bilangan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil;
- (ii) di antara sekolah-sekolah tersebut berapakah sekolah yang mempunyai bangunan lama dan buruk yang perlu dibaiki atau digantikan dengan yang baru;
- (iii) berapakah perbelanjaan diperuntukkan untuk menjalankan kerja-kerja pembaikan bangunan sekolah-sekolah tersebut; dan
- (iv) berapa buah sekolah rendah baru diperlukan untuk menampung penambahan bilangan murid pada tahun 1989/1990.

***58. Dr Ng Khok Kiung** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (i) apakah jenis buah-buahan tempatan yang telah dikenalpasti untuk dieksport secara besar-besaran;
- (ii) adakah pihak Kementerian mengenalpasti kawasan/tanah yang sesuai digunakan untuk menanam pokok buah-buahan tempatan secara besar-besaran; dan
- (iii) adakah Kerajaan memberi sebarang galakan kepada sektor swasta untuk mengambil bahagian dalam penanaman buah-buahan tempatan.

***59. Tuan Haji Jaafar bin Harun** minta Menteri Luar Negeri memberitahu:

- (a) apakah tugas-tugas yang dijalankan oleh Pegawai-pegawai dan kakitangan Kedutaan kita di luar negeri;
- (b) bagaimanakah Kerajaan kita menilai akan kesannya kejayaan tugas Pegawai yang telah dihantar itu; dan
- (c) hingga sekarang berapa buah negara Kerajaan kita telah menubuhkan kedutaannya dan mulai tahun bila.

- *60. **Puan Norani binti Haji Beluah alias Haji Hitam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan bagi memastikan rakyat asing yang telah tamat tempoh Visanya tapi masih tinggal/berada di dalam Negara ini.
- *61. **Puan Habidah binti Jusoh alias Yusof** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:-
- (a) apakah langkah-langkah Kerajaan dalam mencegah penyelewengan pada Badan-badan Koperasi yang ditubuhkan untuk mengendalikan perniagaan; dan
 - (b) bolehkah Kerajaan mengarahkan Juru Audit Kerajaan menyiasat hal-hal kewangan Koperasi agar ianya tidak menyeleweng.
- *62. **Tuan Tan Chai Ho** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah tindakan telah diambil untuk mengatasi masalah penglibatan murid sekolah dalam kegiatan kumpulan jahat. Sehingga kini, berapakah orang murid yang terlibat telah dibuang sekolah.
- *63. **Tuan Abdul Manap bin Hasbim** minta Menteri, Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Yang Berhormat berhubung dengan beberapa insiden di beberapa buah sekolah berhubung dengan soal disiplin murid sejak akhir-akhir ini.
- *64. **Tuan Hassan bin Nam** minta Perdana Menteri menyatakan iaitu sejak Jabatan Kerajaan menggunakan Kad Perakam waktu di Pejabat-pejabat Kerajaan untuk tujuan merekodkan kedatangan kakitangan bekerja dengan sebaik-baiknya pada setiap hari hingga sekarang, berapa ramaikah bilangan kakitangan Kerajaan yang telah dikenakan tindakan disiplin atau pun buang kerja jika ada akibat tidak menggunakan perakam waktu dengan betul, datang lewat dan ponteng sebagainya.
- *65. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Kesihatan menyatakan dalam program pendaftaran ubat-ubatan jenis beracun mengikut Akta Kawalan dan Pendaftaran Ubat 1985 sudah berapa jenis ubat beracun dapat dikesan atau diluluskan oleh Kementerian berkenaan iaitu sama ada boleh digunakan atau pun tidak termasuklah ubat tradisional dan berapa ramaikah orang yang telah kena denda akibat salah guna jual ubat yang ditakrifkan sebagai beracun mengikut Ordinan Racun 1952 bagi tahun 1985 hingga 1987.
- *66. **Tuan Hassan Harun** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada pertumbuhan institusi-institusi swasta yang menganjurkan kursus-kursus kembar, ijazah luar dan kursus professional dalam Bahasa Inggeris dan memakai kurikulum asing bertentangan dan bercanggah dengan Akta Pelajaran Kebangsaan dan Akta Universiti dan Kolej.
- *67. **Tuan Azman Atar bin Othman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bagaimanakah sambutan orang ramai di dalam kawasan Wilayah Persekutuan terhadap RELA, adakah Kerajaan berhasrat mengadakan senjata api untuk kegunaan RELA di kawasan Pinggir, contohnya sempadan Selangor dan Wilayah.
- *68. **Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:
- (a) berapa jumlah pelaburan asing yang telah diluluskan sehingga 30hb Mei 1988 mengikut negara-negara pelabur itu datang;
 - (b) apakah jenis-jenis perusahaan yang akan mereka usahakan dan negeri-negeri projek-projek itu ditempatkan; dan
 - (c) berapa jumlah peluang pekerjaan dapat diadakan untuk rakyat negara ini apabila projek-projek itu beroperasi kelak.

- *69. **Tuan Lim Heng Tee** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kedudukan semasa tentang isu BMF (Bumiputra Malaysia Finance). Adakah Kerajaan Malaysia meneruskan dengan perkara tersebut. Adakah Kerajaan Malaysia berjaya mendapat balik sebilangan kerugian daripada perkara tersebut. Jika ada, berapa banyak setakat ini.
- *70. **Tuan Lim Heng Tee** minta Menteri Kewangan menyatakan:
- (a) adakah Kerajaan sedar bahawa permainan judi telah meningkat, khususnya di kalangan pemuda dan pelajar, kebelakangan ini akibat daripada pemasangan beribu-ribu buah mesin-mesin slot dan video (e.g. one-arm bandit) di kelab-kelab dan tempat awam lain; dan
 - (b) memandangkan ada kesan-kesan buruk, adakah Kerajaan ingin mengkaji semula dasar pelesenannya atas import dan operasi mesin-mesin tersebut sungguhpun ini akan mengakibatkan kehilangan pendapatan Kerajaan.
- *71. **Dr Tan Chong Keng** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki keadaan infrastruktur perkampungan baru negara kita. Masalah-masalah untuk kebanyakan penduduk perkampungan baru ialah pemilikan tanah yang terhad dan mata pencarian rezeki hidup. Apakah yang dibuat oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bagi mengatasi masalah-masalah tersebut.
- *72. **Dr Tan Chong Keng** minta Menteri Kewangan menyatakan untuk tahun 1987 jumlah pinjaman wang dari luar negeri yang dibuat oleh negara kita dan punca-punca pinjaman yang utama, jumlah pendapatan negara kita melalui eksport dan barang-barang eksport yang utama dan destinasi eksport yang utama.
- *73. **Puan Rokiah binti Zainudin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:
- (a) hasil operasi membanteras kegiatan najis dadah di sekitar Kuala Lumpur baru-baru ini; dan
 - (b) bolehkah YB Menteri memberitahu di kawasan manakah banyak tertangkap penagih dadah dalam operasi tersebut.

ATURAN URUSAN MESYUARAT

1. (DR. 12/88) Rang Undang-undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit -
Menyambung semula Perbahasan atas Masalah,
"Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali
yang kedua sekarang." (11hb Julai, 1988).
2. (DR. 20/88) Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-
langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) Bacaan Kali
Yang Kedua.
3. (DR. 18/88) Rang Undang-undang Darurat (Ketenteraman
Awam dan Mencegah Jenayah) (Pindaan) "
4. (DR. 19/88) Rang Undang-undang Keselamatan Dalam
Negeri (Pindaan) "
5. (DR. 17/88) Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) "
6. (DR. 14/88) Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan
Perdagangan (Pindaan) "
7. (DR. 11/88) Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang
(Penghapusan Samsu Gelap) (Pindaan) "
8. (DR. 15/88) Rang Undang-undang Lembaga Koko Malaysia
(Pemerbadanan) "

/gr.

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM
MESYUARAT

Tahun 1987

Tarikh dibentang

ST. 121 Laporan Tahunan 1984 Lembaga Penyelidikan Dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit - Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (Kementerian Perusahaan Utama Malaysia).

11hb. Julai, 1988

Tahun 1988

CMD. 19 Laporan Tahunan 1985 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia.

11hb. Julai, 1988

CMD. 20 Laporan Tahunan 1985 Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman Dan Perundangan.

11hb. Julai, 1988

CMD. 23 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil.1) Tahun 1988.

11hb. Julai, 1988

CMD. 23A Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbendaharaan Pembangunan Tambahan Pertama Tahun 1988 Bagi Kerajaan Malaysia.

11hb. Julai, 1988

ST. 61 Laporan Tahunan 1985 Dewan Bahasa Dan Pustaka.

11hb. Julai, 1988

ST. 79 Laporan Tahunan Dan Penyata Kira-kira 1987 Lembaga Kumpulan Wang Perpindahan Malaysia.

11hb. Julai, 1988

ST. 83 Laporan Tahunan 1986 Lembaga Pendaftaran Dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit.

11hb. Julai, 1988

/js.

UCAPAN PENANGGUHAN

Tarikh Ucapan di buat.	Tajuk Ucapan	Ahli Yang berucap.	Menteri Yang Bertanggungjawab.
12.7.88	Rayuan untuk memindahkan Pusat Pemulihan Akhiak di Pulau Jerjak ke tempat lain.	YB. Tuan Lim Heng Tee	YB. Menteri Dalam Negeri.

K.